

MAKLUMAN MEDIA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN
1 JANUARI 2018 (SELASA)

BIL.	TAJUK	MUKA SURAT	AKHBAR
1.	Izwan dilantik sebagai CEO PUNB	M26	Berita Harian
2.	Izwan dilantik CEO baharu PUNB	M46	Kosmo

Disediakan Oleh:

Unit Komunikasi Korporat (UKK)

Kementerian Pembangunan Usahawan

Izwan dilantik sebagai CEO PUNB

1/1 BH m-26

Perbadanan Usahawan Nasional Bhd (PUNB) melantik Izwan Zainuddin (**gambar**) sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) yang baharu, berkuat kuasa hari ini.

Beliau menggantikan Datuk Azhar Haji Ahmad, yang meletak jawatan pada 15 Oktober, 2018, kata syarikat itu menerusi satu kenyataan hari ini.

Pengerusi PUNB, Datuk Hazi-

mah Zainuddin, yang menyambut baik pelantikan Izwan berkata, beliau mengalu-alukan sumbangan Izwan dalam mengukuhkan daya tahan organisasi itu serta merealisasikan mandat untuk meningkatkan kekayaan ekonomi masyarakat usahawan Bumiputera.

Izwan memperoleh Ijazah Sains Kewangan dari Oklahoma



State University dan Diploma dalam Perniagaan Tani dari Universiti Pertanian Malaysia.

Beliau sebelum ini berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Operasi Debt Venture di yCreative Ventures Sdn Bhd, cabang pelaburan kerajaan bagi merangsang industri kreatif Malaysia dalam bentuk pembiayaan menrusi ekuiti atau hutang. **BERNAMA**

Izwan dilantik CEO baharu PUNB kosmo 1/1 M.46

KUALA LUMPUR – Perbadanan Usahawan Nasional Bhd. (PUNB) melantik Izwan Zainuddin sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) baharu berkuat kuasa hari ini.

PUNB dalam satu kenyataannya berkata, Izwan menggantikan Datuk Azhar Ahmad yang meletak jawatan pada 15 Oktober lalu.

“Beliau sebelum ini berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Operasi Debt Venture di Creative Ventures Sdn. Bhd., cabang pelaburan kerajaan bagi merangsang industri kreatif Malaysia dalam



IZWAN

bentuk pembiayaan menerusi ekuiti atau hutang.

“Izwan juga pernah menyandang jawatan Ketua Kumpulan Kewangan Korporat, Perbendaharaan dan Hubungan Pelabur di Proton Holdings Bhd. yang bertanggungjawab dalam merancang, menilai dan melaksanakan semua aktiviti korporat serta menambah dana bagi Kumpulan Proton,” katanya di sini semalam.

Berpengalaman luas dalam bidang kewangan korporat, Izwan sebelum ini turut pernah memegang

beberapa jawatan kanan di sektor perbankan iaitu di MIDF Amanah Investment Bank Bhd., RHB Sakura Merchant Bankers Bhd. dan Affin Merchant Bank Bhd.

Izwan memperoleh Ijazah Sains Kewangan dari Oklahoma State University dan Diploma dalam Perniagaan Tani dari Universiti Pertanian Malaysia.

Menerusi kenyataan sama, Pengerusi PUNB, Datuk Hazimah Zainuddin menyambut baik pelantikan tersebut dan beliau mengalu-alukan sumbangan Izwan dalam mengukuhkan daya tahan organisasi itu serta merealisasikan mandat untuk meningkatkan kekayaan ekonomi usahawan bumiputera.